

## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: UBM MES

PUBLICATION: HMETRO.COM.MY SECTION: SETEMPAT

DATE: WEDNESDAY, 12 JULY 2017 PAGE NO.: 1 OF 2

CIRCULATION: ONLINE FREQUENCY: ONLINE

HEADLINE: BERPELUANG TEROKA SEGMENT PASARAN BARU



**ACARA YANG  
DITUNGGU-TUNGGU  
KINI KEMBALI!**  
Bukit Merah Lake Town, Perak | 29 Julai 2017



**SERTA  
SEKARANG!**

Rabu, 12 Julai 2017

UTAMA MUTAKHIR SETEMPAT GLOBAL ARENA RAP/SELEBRITI BISNES EKSTRA METROTV

BESTARI AGRO IT@METRO SANTAI NUANSA DEKOTAMAN HATI GEN Y M SIHAT EKSPRESI VROOM MINDA GALERI

### Berpeluang teroka segmen pasaran baru



AHMAD Zahid (tiga dari kiri) pada perasmian Pameran Minyak, Gas dan Kejuruteraan Petrokimia Asia Ke-16, semalam.

**Fairul Asmaini Mohd Pilus**  
asmaini@hmetro.com.my

## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MES	SECTION:	SETEMPAT
PUBLICATION:	HMETRO.COM.MY	PAGE NO.:	2 OF 2
DATE:	WEDNESDAY, 12 JULY 2017	FREQUENCY:	ONLINE
CIRCULATION:	ONLINE		
HEADLINE:	BERPELUANG TEROKA SEGMENT PASARAN BARU		

Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yakin pemain industri minyak dan gas tempatan mahupun serantau masih mempunyai peluang untuk meneroka pelbagai segmen pasaran baru yang berdaya tahan meskipun berdepan keadaan ketidakpastian ekonomi global.

Menurutnya, memang diakui 2016 adalah tahun yang sukar untuk industri minyak dan gas, namun perkembangan tahun ini mampu membuka jalan untuk pemulihan.

Katanya, sekarang adalah masa terbaik untuk pemain industri menambah segmen pasaran baru dan pada masa sama perlu menukar pemikiran bagi mengurangkan risiko sedia ada.

"Sudah terdapat peralihan pemikiran dalam kalangan pemain industri (minyak dan gas) yang kini memberi tumpuan kepada projek kitaran yang lebih singkat bagi mengurangkan risiko.

"Selain itu, banyak syarikat juga mengambil peluang ini untuk membaik pulih dan menaik taraf kemudahan, kemahiran serta kepakaran masing-masing dalam usaha memperkukuhkan kedudukan sebagai persediaan apabila industri kembali pulih kelak," katanya ketika berucap merasmikan Pameran Minyak, Gas dan Kejuruteraan Petrokimia Asia Ke-16 (OGA 2017) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Penasihat Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) Tun Abdullah Ahmad Badawi.

OGA 2017 diadakan selama tiga hari bermula hari ini membabitkan penyertaan lebih 2,000 syarikat minyak dan gas dari 60 negara seluruh dunia.

Menurut Ahmad Zahid, Malaysia adalah negara pengeksport gas asli cecair kedua terbesar dunia selepas Qatar dan juga antara negara pengeluar minyak utama dunia.

Katanya, industri Minyak, Gas dan Tenaga adalah antara fokus utama dalam Program Transformasi Ekonomi bagi memacu Malaysia ke arah negara membangun.

**Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 12 Julai 2017 @ 6:39 AM**